

From: Sekretariat Media MBPJ/MBPJ
To: Media All MBPJ, Media News MBPJ
cc: irleesuetesen@gmail.com, tony_cheong74@yahoo.com

Date: Saturday, May 30, 2015 04:51PM
Subject: KENYATAAN AKHBAR : PERPINDAHAN GERAJ BUAH DURIAN DI SS2/24 KE TAPAK LOKASI BAHARU GERAJ DURIAN DE' TROPIKA, JALAN HARAPAN, SEKSYEN 19, PETALING JAYA

Ruj. Kami : MBPJ /090100/T/A6/Jld 13 (7)
Tarikh : 30 Mei 2015

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN AKHBAR

PERPINDAHAN GERAJ BUAH DURIAN DI SS2/24 KE TAPAK LOKASI BAHARU GERAJ DURIAN DE' TROPIKA, JALAN HARAPAN, SEKSYEN 19, PETALING JAYA

Dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengambil inisiatif memindahkan tapak lokasi gerai buah-buahan bermusim di Jalan SS2/24 ke Jalan Harapan, Seksyen 19, Petaling Jaya. Tindakan ini adalah bertujuan untuk mengatasi masalah tempat letak kereta di SS2/24, Petaling Jaya, di mana penjaja-penjaja tersebut berniaga di tempat letak kereta awam. Pembinaan gerai buah di lokasi baharu yang mengandungi 6 unit gerai di Jalan Harapan, Seksyen 19, Petaling Jaya ini telah diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Sektor Informal Bil 3/2014 berdasarkan lokasi ini terletak dalam kawasan komersial, jauh dari kawasan kediaman serta tidak melibatkan tempat letak kereta awam yang digunakan. Pembinaan gerai baharu ini merupakan projek perintis Majlis dalam usaha mempromosikan perniagaan buah-buahan tempatan.

Majlis ingin menegaskan bahawa perbincangan dengan Persatuan Penduduk Seksyen 19 dan penjaja yang terlibat bersama-sama ADUN Damansara Utama, YB Yeo Bee Yin, Ahli Majlis MBPJ Zon 8 (kawasan SS2), Ir Lee Suet Sen dan En Tony Cheong Siew Thong telah diadakan pada awal tahun 2014. Di antara isu yang dibincangkan adalah masalah lalulintas di kawasan SS2. Isu tersebut telah diatasi oleh Jabatan Kejuruteraan MBPJ dengan memperbaiki sistem laluan sehalu di kawasan tersebut. Sehubungan itu, dakwaan Persatuan Penduduk tersebut yang mengatakan tiada perbincangan adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali.

Perpindahan ini telah mendapat persetujuan daripada penjaja-penjaja yang terlibat dan telah diuruskan secara professional dan sistematik. Temuduga penjaja telah diadakan pada 26 Ogos 2014 dan cabutan undi telah diadakan pada 14 Oktober 2014. Penjaja yang telah ditawarkan berniaga di gerai tersebut adalah diingatkan untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis. Sekiranya mereka gagal berbuat demikian, Majlis akan menarik balik peruntukan gerai tersebut.

Sekian, terima kasih.

M OHD AZIZI MOHD ZAIN
Datuk Bandar Petaling Jaya

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
Tingkat 1, Ibupejabat MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675, Petaling Jaya.

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my
Tel : 03-7956 3544 sambungan 203/208, Faks : 03-7958 2695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Komunikasi Korporat MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-223 9604, zainun@mbpj.gov.my